



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

FASILITI KESIHATAN DI DAERAH KULAI JAYA, JOHOR

19 MAC 2018

Media sosial baru-baru ini telah ditularkan dengan kenyataan tidak benar berkenaan kekurangan fasiliti kesihatan di daerah Kulai Jaya di negeri Johor. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menafikan kenyataan tersebut dan menegaskan bahawa Kementerian ini sentiasa komited memastikan setiap rakyat di negara ini menerima perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan berkualiti.

Buat masa ini, dalam daerah Kulai Jaya telah wujud fasiliti-fasiliti Kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan. Antara fasiliti-fasiliti berkenaan adalah seperti berikut :

1 Hospital Daerah

1	Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim	Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, 81000 Kulai	Kulai Jaya	Johor
---	---	--	------------	-------

11 Klinik Desa dan 2 Klinik Kesihatan

1	Klinik Desa Air Bemban	Batu 25 Jalan Air Hitam	Kulai Jaya	Johor
2	Klinik Desa Felda Bukit Permai	Jalan Sekolah Kulai	Kulai Jaya	Johor
3	Klinik Desa Felda Bukit Batu	Jalan Klinik, Kulai	Kulai Jaya	Johor
4	Klinik Desa Felda Inas	Jalan Titiwangsa Kulai	Kulai Jaya	Johor

5	Klinik Desa Kampung Bahagia	Jalan Mawar Kg Bahagia	Kulai Jaya	Johor
6	Klinik Desa Kampung Bukit Batu	Batu 28 Jalan Air Hitam	Kulai Jaya	Johor
7	Klinik Desa Kelapa Sawit	Jalan Kelapa Sawit	Kulai Jaya	Johor
8	Klinik Desa Saleng	Batu 17 Jalan Air Hitam	Kulai Jaya	Johor
9	Klinik Desa Sedenak	Btu 24 Lorong 4	Kulai Jaya	Johor
10	Klinik Desa Senai	Batu 13 Jalan Air Hitam	Kulai Jaya	Johor
11	Klinik Desa Ulu Choh	Kg Ulu Choh	Kulai jaya	Johor
12	Klinik Kesihatan Kulai	Jalan Pejabat Kerajaan, Kulai, Kulaijaya	Kulai Jaya	Johor
13	Klinik Kesihatan Kulai Besar	Batu 19 Jalan Air Hitam, Kulaijaya	Kulai Jaya	Johor

5 Klinik 1Malaysia

1	Klinik 1Malaysia Taman Manis	No. 392, Jalan Manis 17, Taman Manis Kelapa Sawit	Kulai Jaya	Johor
2	Klinik 1Malaysia Taman Putri	2635-S, Jalan Sri Puteri 8/2, Taman Putri	Kulai jaya	Johor
3	Klinik 1Malaysia RTC Kulai Jaya		Kulai Jaya	Johor
4	Klinik 1Malaysia Taman Saleng Indah		Kulai Jaya	Johor
5	Klinik 1Malaysia Bandar Putra		Kulai Jaya	Johor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga akan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan semasa rakyat di negara ini termasuk mempertimbangkan pembinaan fasiliti kesihatan yang baharu bergantung kepada keperluan perkhidmatan tambahan yang diperlukan serta jumlah pesakit yang hadir pada fasiliti-fasiliti kesihatan sedia ada.